

12%

^4!\$- P

ARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA P
ARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 9 NOVEMBER 2010

CAWAIMGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 3, 4,10 HINGGA 44)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,2, 5 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]

Soalan No: 3

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS,
TAHUN 2010
PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

LISAN

YB DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD
(MUKAH)

PERTANYAAN DARI PAD A

9 NOVEMBER 2010

TARIKH SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah peruntukan pembinaan bekalan air luar bandar pada tahun 2008, 2009 dan 2010 di negeri Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pembinaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	Catatan
2008	34,072,158.32	Peruntukan adalah bagi projek BALB sistem retikulasi, sistem alternatif dan naiktaraf / bina baru loji.
2009	83,526,938.80	
2010	212,180,000.00	
Jumlah	329,779,097.12	

SOALAN NO: 4

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

Lisan

**DARI PAD
A**

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]

TARIKH

9 Nov 2010

SOALAN

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

ASAS TANI menyatakan:-

apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan negara Malaysia mempunyai bekalan beras dan makanan lain yang mencukupi memenuhi keperluan pasaran tempatan supaya tanah air kita tidak perlu mengimport beras dan makanan sebanyak RM13.5 bilion setiap tahun dari negara asing.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan bekalan beras dan makanan memenuhi keperluan pasaran tempatan, usaha telah dijalankan bagi meningkatkan tahap pengeluaran padi negara. Pada tahun 2009, pengeluaran padi adalah sebanyak kira-kira **2.51 juta mt** dan jumlah pengeluaran beras pula sebanyak **1.62 juta mt**. Jumlah

beras yang diimport dari **Januari hingga Oktober 2010** adalah sebanyak **770 ribu mt** bernilai **1.27 billion**. Jumlah kuota import bagi tahun 2010 adalah **960 ribu mt**.

Bagi memastikan negara tidak bergantung kepada beras daripada luar negara, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan jangka pendek bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi seperti:

- i. Penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran;
- ii. Perataan tanah sawah;
- iii. Peningkatan kesuburan tanah;
- iv. Kawalan makhluk perosak;
- v. Pemilikan jentera dan mekanisasi ladang;
- vi. Khidmat sokongan penyelidikan dan promosi teknologi;
dan
- vii. Kempen meningkatkan kesedaran pesawah untuk mengurus dan meningkatkan pengeluaran padi.

Bagi tahun 2008 hingga 2010, sebanyak **RM7.36 bilion** telah diperuntukkan bagi subsektor padi di mana ia telah memberi kesan kepada pengeluaran padi negara daripada **2.37 juta mt** pada tahun **2007** kepada **2.51 juta mt** pada tahun **2009** iaitu pertambahan sebanyak **5.9%**.

Selain itu, langkah lain yang diambil bagi meningkatkan lagi pengeluaran padi adalah:

- i. memulihkan tanah sawah terbiar seluas kira-kira **24 ribu ha** yang boleh mengeluarkan hasil sebanyak **72 ribu tan**
- ii. meminta kerajaan negeriewartakan kawasan tanaman padi

SOALAN NO: 10

- iii. menggunakan polisi *reverse investment*
- iv. membuka kawasan tanaman padi baru seperti di Kota Belud, Sabah dan Stumbin/Bijat di Sarawak.

DARI PAD A

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

**TUAN
MUHAMMAD
BIN HUSAIN
[PASIR
PUTEH]**

TARIKH

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

: 9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pelaburan untuk ternakan ikan (air tawar dan laut) serta jumlah pengeluaran yang dapat dihasilkan mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia, telah membelanjakan sebanyak RM356 juta untuk ternakan ikan bagi tahun 2009 manakala sebanyak RM47.9 juta bagi tahun 2010 sehingga bulan September.

Jumlah pengeluaran ternakan air tawar bagi tahun 2009 adalah sebanyak 152,630 tan metrik dan jumlah pengeluaran mengikut negeri adalah:

- i. Perak - 51,700 tan metrik
- ii. Melaka - 28,604 tan metrik
- iii. Selangor - 15,250 tan metrik
- iv. Johor - 12,783 tan metrik
- v. Negeri Sembilan - 12,082 tan metrik
- vi. Pahang - 7,413 tan metrik
- vii. Kedah - 6,221 tan metrik

SOALAN NO: 10

- viii. Sabah - 4,859 tan metrik
- ix. Terengganu - 3,644 tan metrik
- x. Sarawak - 2,560 tan metrik
- xi. Kelantan - 2,162 tan metrik

Jumlah pengeluaran ternakan air tawar sehingga Jun 2010 adalah sebanyak 90,063 tan metrik dan jumlah pengeluaran mengikut negeri adalah:

- i. Perak - 46,378 tan metrik
- ii. Johor - 7,315 tan metrik
- iii. Melaka - 7,141 tan metrik
- iv. Selangor - 6,952 tan metrik
- v. Negeri Sembilan - 5,198 tan metrik
- vi. Pahang - 4,715 tan metrik
- vii. Kedah - 2,800 tan metrik
- viii. Pulau Pinang - 2,792 tan metrik
- ix. Sabah - 2,414 tan metrik
- x. Terengganu - 2,707 tan metrik
- xi. Sarawak - 1,280 tan metrik
- xii. Kelantan - 1,261 tan metrik
- xiii. Perlis - 107 tan metrik

Jumlah pengeluaran ternakan air payau bagi tahun 2009 adalah sebanyak 319,676 tan metrik. Jumlah pengeluaran mengikut negeri adalah:

- i. Sabah - 152,152 tan metrik
- ii. Perak - 46,765 tan metrik
- iii. Selangor - 43,516 tan metrik
- iv. Johor - 30,347 tan metrik
- v. Pulau Pinang - 21,497 tan metrik
- vi. Pahang - 10,669 tan metrik
- vii. Sarawak - 5,458 tan metrik
- viii. Kedah - 4,378 tan metrik

- ix. Terengganu - 2,072 tan metrik
- x. Negeri Sembilan - 1,164 tan metrik
- xi. Perlis - 362 tan metrik
- xii. Melaka - 211 tan metrik

Jumlah pengeluaran ternakan air payau sehingga Jun 2010 adalah sebanyak 262,757 tan metrik dan jumlah pengeluaran mengikut negeri adalah:

- i. Sabah - 78,489 tan metrik
- ii. Perak - 70,778 tan metrik
- iii. Selangor - 35,854 tan metrik
- iv. Johor - 22,683 tan metrik
- v. Pulau Pinang - 17,598 tan metrik
- vi. Pahang - 10,294 tan metrik
- vii. Melaka-7,217 tan metrik
- viii. Negeri Sembilan - 6,116 tan metrik
- ix. Kedah - 5,024 tan metrik
- x. Sarawak - 4,009 tan metrik
- xi. Terengganu-2,831 tan metrik
- xii. Kelantan - 1,567 tan metrik
- xiii. Perlis - 242 tan metrik

No: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARI PAD A **TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

**TARIKH
SOALAN** **9 NOVEMBER 2010**

Tuan Aaron Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan asas atau sebab-sebab MAS menaikkan tambangnya begitu tinggi dalam jangka masa yang amat singkat tahun ini.

11

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Asas penetapan tambang domestik oleh MAS adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan.

Bagi kadar tambang sektor antarabangsa, syarikat-syarikat penerbangan bebas untuk menetapkan tambang, tertakluk kepada peruntukan pada Perjanjian Perkhidmatan Udara dua hala yang ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara yang terlibat serta berpandukan kepada kadar tambang umum yang diterbitkan oleh pihak *International Air Transport Association (IATA)*.

Dalam hubungan ini, MAS akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Menurut MAS, ekoran kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2009, pihaknya terpaksa menurunkan tambang secara mendadak untuk menggalakkan permintaan dan menarik minat penumpang untuk kembali menggunakan perkhidmatan udara. Harga yang ditawarkan sewaktu kemelesetan ekonomi tersebut sebenarnya tidak dapat menampung kos operasi dan mengakibatkan penurunan kadar 'yield' ke tahap yang amat rendah. MAS terpaksa menaikkan semula tambang apabila keadaan ekonomi bertambah baik untuk menampung kos operasi. Kadar 'yield' juga perlu dipulihkan untuk memastikan MAS boleh terus beroperasi tanpa menanggung kerugian.

Untuk memastikan MAS dapat terus beroperasi tanpa mengalami kerugian, pihak MAS telah mengkaji semula tambang yang ditawarkan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, dalam suku kewangan kedua tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lepas, MAS telah mencatatkan kenaikan sebanyak 44% untuk perbelanjaan bahan api.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI TAIB AZAMUDDENBIN MD TAIB
[BALING]
TARIKH 9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan dasar terbuka yang dilakukan kerajaan membolehkan warga asing memiliki komoditi seperti rumah dan tanah di negara ini dapat memberi keyakinan dan jaminan hak-hak rakyat negara ini tidak terlepas ke tangan asing.

JAWAPAN:

Iklim ekonomi dunia yang semakin mencabar dan kompetitif, memerlukan Malaysia mengamalkan pendekatan yang lebih terbuka dalam usaha memperkukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan dan guna tenaga yang unggul di peringkat global. Dasar dan peraturan tertentu yang boleh menghalang daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa telah dikenalpasti dan langkah bagi merangsang pertumbuhan dan menggalakkan pelaburan telah diperkenalkan. Antaranya termasuk langkah meliberalisasikan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (*Foreign Investment Committee-FIC*) mulai pada 30 Jun 2009 yang bertujuan untuk mengurangkan prosedur birokrasi bagi meransang persekitaran pasaran yang mesra pelabur di samping melindungi dan memajukan kepentingan rakyat tempatan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

2. Walaupun beberapa langkah liberalisasi telah dilaksanakan,

Kerajaan terus komited untuk memelihara kepentingan nasional, khususnya kepentingan rakyat tempatan. Menerusi pengenalan dan pelaksanaan Garis Panduan Perolehan Hartanah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (Garis Panduan Hartanah UPE,JPM) mulai 30 Jun 2009, Kerajaan memastikan fokus terus diberi kepada pengawalan perolehan hartanah oleh kepentingan asing seperti berikut:

Menerusi penetapan had nilai minimum RM500,000 seunit bagi perolehan unit hartanah (yang merangkumi unit kediaman, unit komersial, tanah industri dan tanah pertanian), kepentinaan asing tidak dibenarkan memperoleh unit hartanah bernilai di bawah

RM500,000 seunit.

3. Garis Panduan Hartanah UPE.JPM juga memperuntukkan sebahagian besar transaksi hartanah, khususnya yang bernilai di antara RM500.000 sehingga di bawah RM20 juta tidak memerlukan kelulusan UPE.JPM, tetapi hanya memerlukan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (Kerajaan Negeri). Lazimnya Kerajaan Negeri, selain dari melaksanakan Garis Panduan Hartanah UPE.JPM, turut mengadakan mekanisme kawalan tambahan mereka sendiri menerusi pengeluaran Garis Panduan di peringkat negeri masing-masing khususnya bagi mengawal perolehan hartanah oleh kepentingan asing memandangkan hartanah adalah di bawah pentadbiran negeri.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

**RAKYAT PERTANYAAN JAWAPAN LISAN
DARI PAD A **Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN [LIPIS]****

TARIKH 9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha mempertingkatkan pendapatan bulanan bagi setiap isi rumah bagi mewujudkan masyarakat berpendapatan tinggi ekoran ekonomi Malaysia berkembang 9.5 peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini yang menjadi punca nilai Ringgit melonjak.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama 2010 adalah pada kadar 10.1 peratus, dan 8.9 peratus pada suku kedua tahun 2010. Ini menjadikan kadar pertumbuhan bagi separuh pertama tahun 2010 adalah 9.5 peratus berbanding dengan kejatuhan 5.1 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2009.

Walaupun terdapat peningkatan ketara, namun adalah sukar untuk menilai kesan pertumbuhan ekonomi dan pengukuhan nilai ringgit yang berlaku dalam jangka masa pendek ke atas usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat selaras dengan matlamat sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, senario ini menggambarkan negara menuju ke arah pengukuhan pembangunan ekonomi khususnya meningkatkan pendapatan rakyat melalui pewujudan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan potensi pengembangan perniagaan.

Bagi kumpulan petani dan nelayan, kesan lonjakan pertumbuhan ekonomi ini sudah pasti akan dapat meningkatkan pendapatan mereka melalui peningkatan permintaan komoditi dan hasil pertanian lain pada harga yang lebih baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan September 2010, harga purata getah ialah RM1.983 bagi satu tan metrik, tertinggi sejak 10 tahun yang lalu. Manakala minyak sawit pula ialah RM2,735 bagi satu tan metrik, tertinggi sejak bulan Julai 2008. Kerajaan yakin senario ekonomi semasa akan dapat membantu negara mencapai matlamat untuk mempertingkatkan pendapatan isi rumah selaras dengan hasrat untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)
TARIKH	9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah sebab kegagalan Pemaju RB Land Sdn. Bhd (sekarang dikenali sebagai IJM Sdn. Bhd) menyediakan Rumah Kelab untuk Taman Perumahan Green Street Homes, Seremban 2, Seremban.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Green street Homes (GSH) yang dimajukan oleh RB Land ini telah dilesenkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 1995. Projek ini mempunyai dua (2) fasa pemajuan yang dilesenkan seperti berikut:

400 unit Rumah Berkembar dan Sesebuah

- Siap dengan CFO pada tahun 1997

1) 299 unit Rumah Berkembar dan Sesebuah

- Siap dengan CFO pada tahun 1999

selain itu, pihak pemaju GSH juga menjual tanah bagi tujuan membina rumah sesebuah yang terdiri daripada :

1) 144 unit Rumah Sesebuah

- Sedang dalam pembinaan

2) 65 unit Rumah Sesebuah

- Masih belum dibuka untuk jualan

Berkenaan isu 'Club House' yang masih belum dibina, perancangan

SOALAN (1 4)

pemaju adalah untuk menyiapkan '*Club House*' tersebut setelah menyiapkan pembinaan unit rumah bagi keseluruhan fasa di dalam projek ini. Krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1998 menyebabkan pihak pemaju memberi keutamaan untuk membina dan menyerahkan rumah-rumah yang telah dijual kepada pembeli dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk membina dan menyiapkan '*Club House*' tersebut sedang berjalan. Pihak pemaju telahpun mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada Majlis Perbandaran Seremban untuk pembinaan '*Club House*' tersebut pada 6 April 2010. Seterusnya, pihak pemaju akan mengemukakan Pelan Bangunan kepada pihak Majlis untuk kelulusan sebelum pembinaan dapat dijalankan. walau bagaimanapun, MPS telah mengarahkan pemaju supaya membuat pindaan terhadap pelan bangunan sebelum kelulusan diberikan. Pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja kelulusan pelan bangunan

diperolehi dan '*Club House*' tersebut dijangka disiapkan dalam tempoh masa dua tahun.

Bagi memudahkan pihak penduduk mengetahui status semasa pembinaan '*Club House*' tersebut, pihak pemaju telah bekerjasama dengan pihak Rukun Tertangga dan Persatuan Penduduk *Green street Homes* (CSH). Mesyuarat secara berkala pada setiap suku tahun diadakan dan status semasa pembinaan '*Club House*' tersebut dilaporkan di dalam mesyuarat tersebut.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2010

SOALAN 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARI PADA **Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI**
 HAMZAH [JASIN]
TARIKH **9 NOVEMBER 2010**
SOALAN **Meminta MENTERI**
N **PELANCONGAN menyatakan:**

Nama-nama syarikat yang mendapat kontrak dan nilai kontrak yang diluluskan oleh Kementerian dan TDC mengikut kaum warga Malaysia-individu/syarikat/NGO dan warga asing pada tahun 2008, 2009 dan sehingga 30 September 2010 untuk melaksanakan pelbagai aktivitinya di Malaysia dan di luar Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan perolehan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada tahun 2008 adalah sebanyak 150 perolehan yang berjumlah RM110,456,484.85. Bagi tahun 2009 pula, 139 perolehan yang berjumlah RM77,074,294.25 telah ditawarkan dan pada tahun 2010, iaitu sehingga 30 September 2010, sebanyak 25 perolehan yang berjumlah RM4,465,540.50 telah dilaksanakan.

Untuk Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang juga dikenali sebagai Tourism Malaysia, sebanyak 112 perolehan yang berjumlah RM5,990,338.94 telah ditawarkan pada tahun 2008. Ini diikuti dengan 83 perolehan yang berjumlah RM15,202,571.14 pada tahun 2009 dan sebanyak 182 perolehan yang bernilai RM7,076,447.52 telah dilaksanakan sehingga 30 September 2010.

Berhubung dengan pengumpulan data perolehan mengikut kaum dan warganegara, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan tidak mengumpul maklumat yang sedemikian. Ini memandangkan, tawaran perolehan hanya dibuat mengikut taraf

bumiputera atau bukan bumiputera sahaja selaras dengan arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009.

NO.

SOALAN:16 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH 9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah minyak mentah dan simpanan minyak (*reserves*) oleh PETRONAS, cadangan PETRONAS untuk memastikan kemapanan kekal untuk jangka panjang (*long term sustainability*) serta sama ada satu dana akan diperbadankan bagi hasil petroleum.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengeluaran minyak mentah dan kondensat di dalam negara pada 1 Januari 2010 adalah sebanyak 657,200 tong sehari manakala di luar negara adalah sebanyak 264,500 tong sehari. Jumlah simpanan minyak mentah dan

kondensat di dalam negara pada 1 Januari 2010 adalah sebanyak 5.80 bilion tong, manakala di luar negara adalah sebanyak 2.08 bilion tong.

Pengeluaran daripada medan-medan minyak dan gas di perairan negara sebahagiannya telah menjangkau lebih daripada 25 tahun dan menghampiri tempoh jangka hayat dengan kadar pengeluaran yang semakin menyusut. Menyedari hakikat ini, PETRONAS sejak dari tahun 1980an telah dan sedang mengambil pelbagai inisiatif ke arah memastikan supaya bekalan petroleum sentiasa dapat memenuhi keperluan negara. Dalam hubungan ini, PETRONAS akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti penerokaan bagi mencari medan minyak baru untuk dibangunkan bagi memenuhi permintaan yang sentiasa bertambah dan untuk keperluan generasi akan datang. Beberapa langkah telah dirancang oleh PETRONAS dengan mengoptimumkan aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran seperti mencergaskan semula telaga sedia ada menerusi teknik perolehan minyak tertingkat dan membangunkan telaga-telaga kecil melalui penyelesaian berinovasi. Di samping itu, PETRONAS juga mengambil inisiatif untuk melabur dalam aktiviti carigali minyak dan gas di luar negara bagi mendapatkan sumber rizab minyak dan gas baru untuk negara. Langkah untuk mengimport gas dari luar negara juga akan dilaksanakan oleh PETRONAS dengan membina loji dan terminal *regasification* pada tahun 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 (Akta 339) dengan tujuan memastikan sumber-sumber asli negara yang semakin berkurangan digunakan secara optimum bagi faedah generasi akan datang dan

memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan mampan. Penubuhan KWAN ini merupakan salah satu langkah berpandangan jauh dan sikap berhemah Kerajaan dalam menguruskan sumber pendapatan negara. PETRONAS merupakan penabung tunggal KWAN dan sehingga tahun 2008 jumlah tabungan PETRONAS kepada KWAN adalah sebanyak RM3.8 bilion.

SOALAN: 17

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN DARI

PADA

TARIKH SOALAN : LISAN

Minta Menteri kemajuan : YB DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) : 9

Luar Bandar dan

Wilayah menyatakan bila November 2010

agaknya

pembinaan Jambatan Besi Sungai Liwago dari Kampung Paus ke Kampung Wallow, Kampung Panulangun dan jambatan menyeberangi Sungai Liwago dari Kampung Segindai Baru ke Kampung Sungangon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut di bawah RMKe-10 dan akan dipertimbangkan pada tahun 2013 hingga 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN	PERTANYAAN	NO. AUM : 18
PUAN FONG PO	DARIPADA	KUAN [BATU GAJAH] NO.AUP : ?
9 NOVEMBER 2010	TARIKH	
3072	RUJUKAN	

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kadar indeks jenayah mengikut jenis jenayah sejak bulan Januari tahun ini dan apakah langkah mengatasi kes pecah rumah, rompak dan kecurian kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos tahun 2010, jumlah kes jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara ialah sebanyak 120,887 kes. Daripada jumlah tersebut, jumlah kes jenayah kekerasan yang dilaporkan bagi tempoh berkenaan ialah sebanyak 21,559 kes, iaitu menurun sebanyak -5,232 kes atau bersamaan - 19.53% lebih rendah berbanding 26,791 kes jenayah kekerasan yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2009.

Manakala jumlah kes jenayah harta benda pula dilaporkan sebanyak 99,318 kes, iaitu mencatatkan penurunan sebanyak -13,363 kes atau bersamaan -11.86 peratus lebih rendah berbanding 112,681 kes jenayah harta benda yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai usaha dan program pencegahan jenayah telah dilaksanakan di peringkat nasional antaranya seperti penugasan

Sukarelawan Simpanan Polis untuk menjalankan tugas rondaan cegah jenayah di kawasan-kawasan 'hot spot'. Sehingga 20 September 2010, seramai 4,725 orang dari kalangan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dilantik khusus bagi menjalankan tanggung jawab tersebut.

Sebagai strategi jangka masa panjang, PDRM sedang membangunkan system *Central Intelligence Unit* (CIU) bagi meningkatkan kemampuan pihak polis dalam menyelesaikan kes-kes jenayah berpandukan maklumat risikan yang tepat. Selain itu, jumlah pegawai dan anggota polis khususnya yang menjalankan tugas sebagai pegawai penyiasat akan ditambah dari masa ke semasa.

Tahap keselamatan di kawasan-kawasan sempadan dan perbatasan Negara turut dipertingkatkan melalui operasi rondaan bersama di antara Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dari semasa ke semasa.

PERTANYAAN **SOALAN NO: 19**
PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU **: LISAN**
DARI PADA **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** **: DATO'**
PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB (LANGKAWI)

TARIKH **9 November 2010 (Selasa)**

SOALAN **: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan

(a) perkembangan terkini pelabuhan tuna di Batu Maung, Pulau Pinang;
dan

(b) berapakah sebenarnya jumlah pendaratan ikan tuna di Batu Maung
bagi tiga tahun kebelakangan ini dan apakah perkembangan projek
LKIM di Pantai Merdeka, Kedah dan Kuala Sanglang, Perlis.

JAWAPAN **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman mengenai Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa Malaysia di Batu Maung telah diambil alih secara sementara oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada 12 Jun 2010 berdasarkan syarat-syarat Perjanjian Konsesi agar pengurusan dan pengoperasian pelabuhan dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Tindakan ini jua bertujuan memastikan pelabuhan ini terus memainkan peranan penting sebagai pelabuhan pendaratan tuna negara.

(b) Rekod pendaratan ikan tuna dan vesel tuna di Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang bagi tahun 2006 sehingga tahun 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Vesel	Kuantiti Pendaratan Tuna (tan metrik)
2006	106	1,854,859
2007	136	1,709,547
2008	114	2,216,002
2009	85	1,437,985

Bilangan vesel yang menggunakan Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang telah menurun kerana peningkatan kos operasi. Sehubungan itu, syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai lesen/ permit tuna telah menghentikan operasi yang mengakibatkan pendaratan ikan tuna merosot daripada

2.216 juta tan metrik pada tahun 2008 kepada 1.438 juta tan metrik pada tahun 2009.

Projek LKIM yang dijalankan di Pantai Merdeka, Kedah adalah Projek Ternakan Ikan/Udang LKIM di mana Pantai Merdeka merupakan lokasi Projek Akuakultur Berimpak Besar LKIM. LKIM telah menyerahkan pengoperasian projek tersebut kepada **Syarikat Vigilant Ventures Sdn. Bhd.** pada 20 Ogos 2008 untuk tempoh 3 tahun dan boleh diperbaharui setiap 3 tahun berdasarkan prestasi projek. Syarikat ini hanya menjalankan aktiviti pendederan ikan siakap sahaja dan status projek tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Manakala projek di Kuala Sanglang merupakan projek yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta. LKIM telah menyerahkan semula tanah tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri Perlis lanjutan Pihak Berkuasa Tanah Negeri Perlis tidak bersetuju supaya status TOL dipanjangkan. Justeru, LKIM tidak lagi membuat pemantauan ke atas operasi projek ini.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]

TARIKH 9 NOVEMBER 2010

NO. SOALAN: 20

SOALAN

Y.B. Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hukumnya mengendalikan jenazah dalam insiden kematian AJK UMNO Tanjong Karang, Datuk Abd Aziz (mantan wakil rakyat Permatang) dan Naib Wanita UMNO Tanjong Karang, Siti Rohana yang diklasifikasikan oleh pihak polis sebagai membunuh dan bunuh diri.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Islam telah menetapkan bahawa setiap jenazah orang Islam yang telah meninggal dunia wajib diuruskan jenazah tersebut sehingga selesai dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Tuntutan menguruskan jenazah tersebut adalah satu tuntutan Fardhu Kifayah ke atas umat Islam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

**DARI PADA
RAHMAN**

YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD

(TANJONG MANIS)

TARIKH 09.11.2010
 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- a) sama ada Kementerian akan mengurangkan Bajet
 Perbelanjaan Kementerian bagi tahun 2011 memandangkan
negara Malaysia kini telah berbaik-baik dengan semua negara jiran;
dan
- b) berapakah jumlah kurangan bajet tersebut dijangkakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Diplomasi pertahanan sentiasa menjadi kaedah utama di dalam amalan negara ini bagi memastikan integriti serta kedaulatan negara sentiasa dihormati dan terpelihara. Walaupun Malaysia sentiasa mengamalkan hubungan baik dengan semua negara jiran, ini tidak bermakna kaedah cegah rintang patut diketepikan dan dikompromi kerana kaedah ini sentiasa menyumbang kepada aspek integriti pertahanan dan keselamatan negara.

Bagi memastikan pertahanan dan keselamatan negara sentiasa terjamin sejajar dengan prinsip-prinsip yang digariskan di dalam Dasar Pertahanan Negara, Kementerian Pertahanan akan sentiasa membangunkan keupayaan pertahanan negara samada dari sudut keperluan teknikal mahupun keperluan sumber manusia tertakluk kepada peruntukan kewangan sedia ada negara.

NO SOALAN : 21

Kementerian Pertahanan juga akan sentiasa melaksanakan kerjasama kolektif melalui eksekusi pertahanan bagi memastikan keselamatan serantau sentiasa berjalan seiring dengan peredaran zaman. Selain daripada itu juga, seminar dan konferensi bagi membincangkan isu-isu dan masalah berkaitan keselamatan dunia juga dilihat sebagai kaedah perkongsian maklumat yang sesuai dalam memastikan kesiagaan negara menghadapi cabaran pertahanan dan keselamatan akan datang. Usaha pembangunan keupayaan ini adalah tertakluk kepada keutamaan bajet yang diperuntukkan dari masa ke semasa.

Jumlah peruntukan yang akan disalurkan oleh Perbendaharaan kepada Kementerian Pertahanan adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi dan kewangan semasa negara berlandaskan kepada jangkaan jumlah hasil yang akan diperolehi bagi tahun 2011. Sehingga kini, Kementerian telah diperakukan peruntukan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM13,823,738,600.00.

2

MESYUARAT KETIGA DR09[1].11.2010%20-%20DATUK%20HAJAH%20NORAH%20%5BTG%20MANIS%5D

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH **9 NOVEMBER 2010**

SOALAN

NO. SOALAN: 22

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah daya usaha yang diambil untuk memastikan jawatan-jawatan kerja di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan di Sabah akan ditawarkan dengan keutamaan kepada orang Sabah agar membendung berleluasanya permasalahan pengangguran di negeri Sabah.

JAWAPAN : **YB. PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN: 22

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan pengambilan dan pengisian jawatan persekutuan di negeri Sabah kepada anak negeri Sabah.

Bagi jawatan-jawatan kerja atau Anggota Kumpulan Sokongan (AKS), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah memutuskan bahawa panggilan temu duga akan dibuat berdasarkan lokaliti calon yang memohon. Oleh yang demikian, calon dari negeri Sabah akan dipanggil untuk mengisi kekosongan jawatan di Sabah. Keputusan yang diambil ini adalah secara tidak langsung untuk memberi keutamaan kepada calon untuk berkhidmat di negeri sendiri termasuklah kepada calon dari negeri Sabah.

Kerajaan juga terutama melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa mengadakan promosi dalam akhbar tempatan seperti Borneo Post dan juga secara *online* menerusi laman web supaya lebih ramai calon-calon yang layak dan berminat dari Sabah memohon jawatan dan akhirnya boleh ditempatkan di Sabah. Selain itu, sesi pengambilan juga dibuat mengikut zon dengan mengambil

NO. SOALAN: 22

kira faktor calon dari kawasan pedalaman bagi memudahkan mereka hadir ke sesi temuduga tersebut dan berpeluang untuk dilantik. Bagi perkhidmatan tertentu seperti Paramedik, Kerajaan telah menetapkan bahawa Institut Paramedik di Sabah dikhaskan untuk calon-calon tempatan yang akhirnya disasarkan untuk calon-calon tersebut berkhidmat di negeri Sabah setelah lulus pengajian.

NO. AUM : 20

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH	09.11.10
RUJUKAN	3073

SOALAN:

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
[Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah
jumlah orang asing yang telah memohon dan diluluskan untuk menjadi
warganegara Malaysia di negeri Sabah sejak tahun 1963.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengemukakan jumlah orang asing yang telah memohon dan diluluskan untuk menjadi warganegara Malaysia di negeri Sabah sejak tahun 1963. Ini adalah kerana Kementerian Dalam Negeri hanya menyimpan rekod permohonan warganegara berdasarkan kepada pecahan kategori mengikut Perkara di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu;

1. Perkara 15A - Permohonan di bawah umur 21 tahun dalam keadaan khas.
2. Perkara 15(1) - Permohonan isteri kepada warganegara.
3. Perkara 15(2) - Permohonan anak kepada warganegara yang berusia di bawah 21 tahun.
4. Perkara 16 - Permohonan pemohon yang lahir di Malaysia sebelum merdeka.
5. Perkara 19(1) - Permohonan oleh Penduduk Tetap berumur melebihi 21 tahun yang tinggal melebihi 12 tahun di Malaysia.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS**

(2010) _____

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH 9 NOVEMBER 2010

SOALAN :

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) Apakah Kerajaan akan mengemukakan kaedah yang lebih serius bagi mengekang penghinaan terhadap kesucian Islam yang berterusan; dan
- (b) Apakah Kerajaan bersedia untuk meminda Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan status Islam dipinda dari 'agama Persekutuan' (*religion of the Federation*) kepada 'agama rasmi' (*official religion*).

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan akan

terus melaksanakan pendekatan berhikmah dalam memberi penerangan dan penjelasan serta melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan Akta dan Undang-undang sedia ada.

Kerajaan melalui JAKIM bersama JAIN/MAIN serta agensi-agensi berkaitan secara berterusan menyampaikan mesej secara berhikmah melalui pelaksanaan pelbagai program kemasyarakatan, program-program penerangan seperti seminar, dialog dan pengedaran bahan penerbitan secara berkala dan bersepadu dengan agensi pertubuhan NGO's. Disamping itu, kerajaan memanfaatkan media cetak dan elektronik bagi memberi penjelasan tentang ketinggian Islam kepada semua lapisan masyarakat, agama dan bangsa di negara ini.

Kerajaan juga turut terlibat dalam diskusi mempromosikan hubungan antara pelbagai agama dan bangsa yang dijalankan menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti lain seperti seminar, forum dan ceramah bagi mendidik dan meningkatkan pemahaman masyarakat khususnya dalam menjaga hubungan baik, keharmonian dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Selain itu, JAKIM juga bekerjasama dan saling bantu membantu dengan lain-lain agensi kerajaan seperti Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam dalam menganjur dan melaksanakan pelbagai program bagi mendekati dan memberi kefahaman serta membina hubungan baik kepada masyarakat bukan Islam. Aktiviti-aktiviti yang diadakan lebih bersifat 'turun padang' agar dapat memupuk semangat persaudaraan dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Disamping itu, Undang-Undang sedia ada yang telah digubal oleh Kerajaan untuk membendung dan menghalang pihak-pihak ini daripada memainkan isu-isu

sensitif termasuklah mengekang penghinaan terhadap kesucian Islam adalah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Antaranya seperti berikut:-

- (i) **Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan** memperuntukkan kesalahan menyebabkan perpecahan atau memudaratkan, dan boleh dihukum dengan *hukuman penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun.* ”

 - (ii) **Seksyen 3 Akta Hasutan 1948** telah memperuntukkan perbuatan yang dianggap sebagai kecenderungan menghasut;

 - (iii) **Seksyen 7 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997** pula memperuntukkan seperti kesalahan *menghina agama Islam dan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.* ”
Sehubungan itu, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak-pihak yang cuba mempertikaikan kedudukan agama Islam kerana ia melibatkan sensitiviti di kalangan masyarakat berbilang kaum dalam negara ini yang boleh menimbulkan ketidakstabilan dan menggugat keharmonian dalam negara.
- (b) Mengenai saranan meminda Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan status Islam dipinda dari 'agama Persekutuan' (*religion of the Federation*) kepada 'agama rasmi' (*official religion*), dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini secara jelasnya

telah memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam melalui pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan perlu dilihat dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan secara menyeluruh dan tidak hanya dilihat dalam ruang lingkup Perkara 3(1) semata-mata. Ini adalah kerana peruntukan tersebut diperkukuhkan dengan kewujudan peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan Islam, antara lain, seperti Perkara 11(4), Perkara 12(2), Perkara 121 (1 A), Butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan dan ikrar Yang diPertuan Agong dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

TARIKH 9 NOVEMBER 2010

SOALAN

Y.B. Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz (Sri Gading) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap premis-premis yang menyalahgunakan logo halal dan berapa banyakkah tindakan yang diambil sepanjang tahun 2008 hingga 2010.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kes dan aduan yang melibatkan penyalahgunaan logo halal. Antara kesalahan-kesalahan ini adalah meliputi:

- a) penggunaan logo halal Malaysia tanpa sijil halal JAKIM/JAIN;
- b) menyajikan makan yang tidak menepati piawaian halal;

- c) menggunakan perbhasan halal secara mengelirukan;
- d) menggunakan sijil pihak selain JAKIM/JAIN; dan
- e) memalsukan sijil halal JAKIM/JAIN.

Jika sabit kesalahan, premis yang melakukan penyalahgunaan sijil dan logo halal tersebut boleh didakwa di bawah peruntukan Seksyen 15 (1) Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah Perihal Dagangan Penggunaan Perbhasaan "Halal" 1975 yang mana premis tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 untuk kesalahan yang pertama dan di denda sehingga RM500,000 untuk kesalahan kedua atau mengulangi kesalahan yang sama. Bagi pemegang sijil halal Malaysia pula, tindakan penarikan atau penggantungan sijil halal juga akan dilaksanakan jika didapati mereka menyalahgunakan logo halal Malaysia.

Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh JAKIM dan KPDNKK semenjak Ogos 2009 sehingga Oktober 2010, JAKIM telah menjalankan sebanyak 1,409 aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di mana sebanyak 19 kes telah diambil tindakan oleh pihak KPDNKK di bawah peruntukan APD 1972 dan Perintah Perihal Dagangan Perbhasaan "Halal" 1975.

Bagi mengurangkan dan menghentikan pengeluaran sijil dan logo halal oleh pihak swasta, JAKIM telah mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang terlibat dan kebanyakan daripada mereka telah bersetuju untuk tidak lagi mengeluarkan sijil halal.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH

9 NOVEMBER 2010

NO. AUM : 25

RUJUKAN

3226

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa pembinaan kompleks Ibu Pejabat Polis yang baru di Lahad Datu pembinaannya telah dihentikan. Berapa jumlah kos kompleks itu dan bilakah akan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu adalah merupakan projek di bawah pelaksanaan Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. (PBLT) iaitu anak syarikat Kementerian Kewangan yang diperbadankan. Projek ini telah dimulakan pada 17 Januari 2007 dengan kos sebanyak RM97.4 juta dan pada awalnya dijangka siap pada 10 Mac 2009. Walaubagaimana pun, kontraktor telah gagal menyiapkan projek ini walaupun lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor sebanyak dua kali. Ketika kontrak ini ditamatkan pada 3 Mei 2010, kontraktor hanya mampu menyiapkan 50 peratus daripada pembangunan keseluruhan yang sepatutnya telah mencapai 100 peratus.

Untuk meneruskan kembali pelaksanaan projek ini, pihak PBLT sedang mengambil tindakan bagi projek ini ditender semula. Pada masa ini, Kementerian tidak dapat memberikan anggaran kos untuk menyiapkan kembali projek ini kerana pihak perunding masih menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan menilai kembali tahap kerja yang disiapkan sebelum ini. Syarikat PBLT menjangka projek ini akan ditender semula pada awal Januari 2011.

sebelum ini. Syarikat PBLT menjangka projek ini akan ditender semula pada awal Januari 2011.

NO. AUM : 28

NO. AUP : 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]
TARIKH	9 NOVEMBER 2010
RUJUKAN	3074

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan penyertaan pasukan polis khasnya kaum Cina iaitu kurang daripada 6% dari tahun 2008 hingga 2010 di Negeri Sarawak. Nyatakan juga jumlah anggota polis yang bertugas antara wilayah di antara Sarawak dan Semenanjung serta jumlah elaun wilayah yang ditanggung oleh Kerajaan dari tahun 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.

Pihak Kementerian dan PDRM amat menggalakkan penyertaan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat sebagai Pegawai dan Anggota Polis. Sehubungan dengan ini, antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan kaum bukan Melayu terutamanya kaum Cina di Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Pertama, PDRM telah menyiarkan iklan kekosongan jawatan dalam akhbar utama di negeri Sarawak seperti Borneo Post (edisi Sabah/Sarawak), Utusan Borneo (edisi Sabah/Sarawak) dan See Hua Daily (edisi Sabah/Sarawak). Selain daripada itu PDRM juga membuat hebahan melalui radio RTM di peringkat negeri/daerah dan radio swasta serta melalui rancangan di televisyen seperti rancangan

Selamat Pagi Malaysia, rancangan Malaysia Hari Ini dan rancangan 999 di TV3.

Kedua, Ketua Polis Negeri dan semua Ketua Polis Daerah di negeri Sarawak juga senantiasa berusaha dan bekerjasama dengan para pemimpin diperingkat negeri dan daerah, persatuan-persatuan dan parti-parti politik melalui sesi dialog, ceramah dan kempen-kempen dengan masyarakat setempat untuk menghebahkan mengenai urusan pengambilan pegawai dan anggota PDRM bagi menarik minat golongan belia untuk menyertainya.

Ketiga, pihak PDRM juga sedang merancang untuk mengadakan 'roadshows' dan kempen diperingkat negeri bagi mencetus minat golongan belia dan pada masa hadapan PDRM juga bercadang untuk memanjangkan tempoh tarikh tutup permohonan daripada dua minggu kepada empat minggu bagi memberi peluang kepada calon- calon yang tinggal dikawasan pendalaman di Negeri Sarawak berpeluang

Tuan Yang Dipertua,

untuk memohon jawatan didalam PDRM.

Jumlah Pegawai dan Anggota PDRM yang bertugas antara wilayah di Negeri Sarawak dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2010 (sehingga November) adalah seramai 23,440 orang. Sementara itu jumlah elaun wilayah yang ditanggung oleh Kerajaan yang dibayar kepada pegawai dan anggota PDRM sejak tahun 2008 sehingga November 2010 adalah berjumlah RM263.75 juta.

SOALAN NO: 28

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

**DARIPADA
PERTANYAAN**

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

TARIKH

9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan masalah persempadanan laut antara negeri yang terlalu dekat contohnya Kuala Bagan Tiang di perairan Perak dan Sungai Bakau di Perairan Pulau Pinang, bolehkah dibuat persefahaman antara dua kawasan tangkapan nelayan ini untuk mengelak didakwa atas menceroboh sempadan.

JAWAPAN

Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang DiPertua,

Persempadanan kawasan perairan menangkap ikan antara negeri serta antara zon A, B, C dan C2 telah tercatat sebagai syarat-syarat lesen vesel dan peralatan menangkap ikan.

Syarat-syarat tersebut bertujuan:

- i. Mengelakkan konflik nelayan antara negeri dan juga nelayan antara zon. Contohnya nelayan tradisi Zon A dengan nelayan komersial Zon B, C atau C2; dan
- ii. Mengelakkan kemungkinan berlaku tekanan tidak seimbang kepada sumber perikanan di sesebuah negeri.

Walaupun persempadanan laut di antara Kuala Bagan Tiang di perairan Perak dan Sungai Bakau di perairan Pulau Pinang adalah dekat namun operasi vesel bagi kedua-dua kawasan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat lesen yang ditetapkan berhubung kawasan penangkapan ikan iaitu kawasan penangkapan ikan hanya dibenarkan di perairan negeri lesen vesel dikeluarkan sekiranya kawasan itu kurang dari 12 batu nautika dari pantai.

Bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini berlaku, Jabatan Perikanan sering menjalankan pengawal selian dan pemantauan secara berkala menggunakan perundangan yang ditetapkan di bawah Akta Perikanan 1985. Selain itu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia juga turut memainkan peranan.

SOALAN NO: 29

PARLIMEN MALAYSIA

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN Lisan**

DARIPADA

Datuk Abd. Rahman bin Bakri

[Sabak Bernam]

TARIKH

9 Nov 2010

SOALAN

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak

Bernam] minta MENTERI PERTANIAN DAN

INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan tahap kecukupan diri makanan negara khususnya bagi menangani isu inflasi makanan dan kebergantungan negara terhadap makanan yang diimport.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada masa ini sedang menggubal Dasar Pertanian Negara Keempat yang meliputi tempoh 2011-2020. Ia merupakan satu pelan tindakan yang menyeluruh untuk menjamin sektor pertanian terus berdaya maju bagi tempoh 10 tahun akan datang untuk mengurangkan pergantungan kepada bekalan makanan dari negara luar. Dalam menggubal dasar baru ini, Kementerian telah mengambil kira persekitaran baru agro makanan global yang meliputi peningkatan harga makanan dunia, peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bioteknologi, perubahan iklim dan peningkatan kos pengeluaran.

Dasar yang sedang digubal adalah berteraskan pengukuhan kedayasaingan dan kemampuan di sepanjang rantai nilai. Ini bermakna, kedayasaingan sektor agro makanan boleh dikukuhkan dengan pengurusan sumber yang lebih bijak dan cekap di samping memelihara kelestarian sumber alam dan mengurangkan kemerosotan kualiti alam sekitar. Dasar ini adalah dirangka untuk mencapai 2 objektif penting iaitu meningkatkan pengeluaran untuk menjamin bekalan makanan mencukupi untuk negara dan meningkatkan pendapatan golongan sasaran melalui pertanian bernilai tinggi supaya ianya dapat merapatkan jurang antara sektor ekonomi di bandar dan luar bandar. Pencapaian dasar ini akan dapat menjamin bekalan makanan dalam negara

mencukupi dan seterusnya dapat menangani isu inflasi makanan. Dalam memastikan peningkatan pengeluaran, faktor-faktor seperti kos pengeluaran, kesesuaian tanah dan produktiviti akan diambil kira supaya negara hanya mengeluarkan jenis agro makanan yang kompetitif dan dapat bersaing dengan import. Di antara strategi yang akan dilaksanakan adalah:

- i. penerokaan pertanian bernilai tinggi;
- ii. peningkatan pengeluaran dan produktiviti;
- iii. penglibatan pihak swasta sebagai pemacu pertumbuhan;
- iv. pengukuhan rantaian bekalan agro-makanan; dan
- v. pengukuhan R&D dan inovasi.

SOALAN 30

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN
PERNYATAAN** **LISA
N** **TUAN WONG HO LENG [SIBU]**
Y.B.

9 NOVEMBER 2010

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

DARIPADA Berapakah perbelanjaan yang dilaburkan oleh Kerajaan
TARIKH di atas Pavilion Malaysia dan promosi di Ekspo Dunia
SOALAN 2010 Shanghai, sama ada pameran tersebut dianggap
suatu kejayaan, dan bagaimanakah Sarawak terlibat
dalam pameran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Malaysia bagi penglibatan dalam Ekspo Dunia di Shanghai dari 1 Mei 2010 hingga 31 Oktober 2010 adalah berjumlah RM 35 juta dengan pecahan kos seperti berikut:

- a) RM 20 juta - kos pembinaan astaka
- b) RM 15 juta - kos operasi

Kos pembinaan astaka ini adalah termasuk kos mereka bentuk, membina, menyelenggara dan merobohkan astaka setelah selesai tempoh pameran.

Kos operasi pula adalah termasuk perbelanjaan penerbitan risalah dan cenderamata, penghantaran barang promosi dan bahan pameran, kos penyertaan MATRADE, MIDA dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), urusan publisiti dan pengiklanan, penghantaran pegawai, kakitangan serta kumpulan kebudayaan yang bertugas di astaka, bayaran kepada

petugas dan pengurus astaka, majlis perasmian Astaka Malaysia serta Majlis Sambutan Hari Kebangsaan.

Penyertaan Malaysia dalam Ekspo Dunia Shanghai 2010 dianggap sebagai satu kejayaan bagi negara. Sehingga 20 Oktober 2010, Pavilion Malaysia telah menerima kunjungan sejumlah 6,903,531 pelawat yang merupakan 9.45% daripada jumlah pelawat keseluruhan World Expo (73,084,200). Ini merupakan catatan yang membanggakan memandangkan terdapat 176 buah negara yang terlibat dalam World Expo Shanghai 2010.

Selain daripada itu, negara telah mencatatkan jumlah jualan barangan kraftangan, cenderamata dan lain-lain yang memberangsangkan berjumlah RM 3,526,550 (RMB 7,346,981) bagi tempoh Mei hingga Oktober 2010. Dari segi pendedahan media pula, penyertaan Malaysia telah mendapat liputan melalui wawancara televisyen, suratkhobar, majalah dan internet. Nilai keseluruhan publisiti yang telah dijana adalah dianggarkan berjumlah RM 19,957,626.43 (RMB 43,126,000).

Negara juga telah mencatatkan peningkatan jumlah pelancong China sepanjang tempoh pameran dari Mei hingga Ogos 2010. Sejumlah 342,165 pelancong China telah datang ke Malaysia,

peningkatan sebanyak 8.7 % berbanding tempoh sama tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Promosi negeri Sarawak dalam pameran World Expo Shanghai 2010 diadakan seperti berikut:

- i. Penjualan produk-produk kraftangan dan lada hitam Sarawak di Pavilion Malaysia;
- ii. Pameran di bahagian tengah pavilion telah dibina bagi menggambarkan hutan hujan tropika di Sabah dan Sarawak;
- iii. Sarawak Tourism Board telah mengadakan pembentangan pada 11 hingga 20 Mei 2010 bagi menerangkan tarikan pelancongan yang terdapat di Sarawak; dan
- iv. Video pelancongan Sarawak telah dimainkan secara berulang setiap hari sepanjang tempoh pameran.

SOALAN NO : 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRIAMAN]
TARIKH 9 NOVEMBER 2010
SOALAN

Tuan Masir anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah doktor pakar dan bilangan doktor biasa akan ditambah jumlahnya di Hospital Sri Aman dalam RMK-10.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan perancangan RMK-10, Hospital Sri Aman telahpun dikenalpasti untuk dijadikan sebagai hospital daerah berpakar dengan penempatan pakar tetap secara berperingkat dalam 6 bidang kepakaran asas iaitu perubatan am, pediatrik, bedah am, ortopedik, obstetrik & ginekologi dan anesthesiologi. Pada masa ini perkhidmatan kepakaran disediakan oleh Pegawai Perubatan Pakar daripada Hospital Umum Sarawak yang mengadakan lawatan secara berkala.

Pelbagai langkah yang telah dan sedang diambil dalam usaha Kerajaan untuk menambahkan bilangan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat dilaksanakan dengan baik. Penambahan jawatan bagi Pegawai Perubatan terutamanya bagi Pegawai Perubatan Pakar dilakukan secara berkala dan pengagihan serta pengisian jawatan dilaksanakan sewajarnya selaras dengan keperluan perkhidmatan di semua fasiliti-fasiliti kesihatan KKM termasuklah Hospital Sri Aman.

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

(KUANTAN)

TARIKH 9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah Kerajaan ada memikirkan serta merangka langkah-langkah yang lebih holistik bagi memastikan kegiatan pelacuran dan zina dapat dikurangkan selain dari membina pusat-pusat jagaan bagi wanita-wanita mengandung kerana zina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap kegiatan pelacuran dan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung. Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menangani kegiatan pelacuran dan perbuatan zina sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita

Jawapan ini telah difyloskarta oleh Y.B. Datuk Dr. K. S. Segal dalam plrliciaan perfu dirujuk suniyla kepada pihak Urusetia bag! oiemastikan kssahlhan maklumaf.

mengandung bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama daripada ibu bapa dan ahli keluarga, agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam, badan-badan bukan Kerajaan, sektor korporat dan masyarakat umum amat penting dalam usaha membendung masalah ini secara bersama. Setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama Kerajaan membendung masalah ini daripada terus berleluasa.

Dalam usaha menangani kegiatan membanteras tersebut juga, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah

sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang berpotensi untuk terdedah kepada bahaya moral;

- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;

~hsv

·':-A2)

'h'

I*

- c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);
- d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain daripada itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pihak Kementerian mengambil pendekatan untuk memberikan kursus ini di tempat kerja memandangkan kesukaran untuk ibu bapa menghadiri kursus atas faktor kesibukan di pejabat serta komitmen terhadap keluarga; dan
- e) Mewujudkan Pusat Remaja Kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Jawapan ins telah ciiltlws kari oieh Y»BI% Data⁵ Dr, KSII. Segala pimdaart perlu dirtjpk semua (cepacia pihak Urusstia bagi memastikan kesahihart maklumat

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BERTANYAAN	JAWAB LISAN Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
TARIKH	9 NOVEMBER 2010 (ISNIN)
SOALAN	Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dasar dan langkah-langkah yang diguna pakai buat masa ini untuk membantu petani-petani kecil di kawasan luar bandar di Sarawak.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi dasar dan matlamat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia untuk meningkatkan pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan. Sehubungan itu, pelbagai program dan projek telah diperkenal dan dilaksanakan sebagai langkah membantu petani-petani kecil di luar bandar di Sarawak.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah diluluskan

peruntukan sebanyak RM 19.35 juta untuk 14 buah program pembangunan tanaman, perikanan dan industri asas tani manakala sebanyak RM19 juta pula diluluskan untuk 10 buah program pembangunan ternakan dan perkhidmatan haiwan di Sarawak.

Projek - projek di bawah RMK-10 yang meliputi bantuan kepada petani kecil di Sarawak adalah:

1. Pembangunan Kawasan dan Pembekalan Input Tanaman Herba dan Rempah Ratus;
2. Pembangunan Ladang dan Pembekalan Benih Padi;
3. Tanam Semula Kelapa dan Integrasi dengan Tanaman Jangka Pendek;
4. Pembinaan Pusat Pengumpulan Kelapa dan Perolehan Mesin Pengupas;
5. Penanaman Semula Kelapa Jenis Pandan dan Matag;
6. Penanaman Semula Kawasan Buah-buahan dan Pembekalan Input Pertanian;
7. Penanaman Buah-buahan di Kawasan Agropolitan;
8. Pembinaan dan Penambahbaikan Jalan Ladang;
9. Pengeluaran Benih Ikan;
10. Perolehan baka kerbau, lembu dan kambing; dan
11. Pembangunan kawasan lembu tenusu.

Soalan No: 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

**DARIPADA
PERTANYAAN**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE
NIK (SIK)**

TARIKH

09.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan menurut Buku Panduan Malaysia ke 10 dan jawapan Menteri Pelajaran kepada soalan saya (No. 14, 21-06-2010) Program Permata Negara akan diletakan di bawah KPM berkuatkuasa tahun 2011, sejauh mana langkah telah diambil untuk memenuhi matlamat ini. Mohon senaraikan pusat-pusat dan cawangan Program Permata Negara yang telah beroperasi setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Tarikh penyerahan Program PERMATA Negara oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah pada 1 Januari 2012, berdasarkan keputusan Mesyuarat Pelaksanaan Pemeriksaan Program PERMATA Negara pada 22 Jun 2010 dipengerusikan oleh isteri Y.A.B. Perdana Menteri, Y.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor.

Setakat ini, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* dan Jawatankuasa Penggubalan Akta bagi membincangkan pindaan terhadap Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), bersama-sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyelaraskan tentang pendidikan dan penjagaan kanak-kanak. KPM juga sedang melatih guru-guru dengan Program

Pendidikan Awal Kanak-kanak untuk ditempatkan di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 25 buah Pusat Anak PERMATA Negara sedang beroperasi dan 27 buah lagi bakal beroperasi menjelang akhir tahun 2010. Senarai terperinci pusat-pusat dan cawangan Program PERMATA Negara yang telah beroperasi setakat ini sesuai dijawab oleh Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri.

Rjm 65

Soalan No : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN**
TARIKH **ONN (ALOR GAJAH)**
09.11.2010

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik tentang kemajuan SJK (C) Tun Tan Cheng Lock dalam hal jumlah pelajar, senarai ahli lembaga pengurusan, jumlah guru, pengurusan kantin dan pengurusan kemudahan sekolah dengan sekolah- sekolah lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tun Tan Cheng Lock merupakan salah sebuah Sekolah Wawasan yang terletak di USJ 15, Subang Jaya, Selangor. Sekolah tersebut merupakan sekolah Kerajaan yang mendapat peruntukan sebagaimana sekolah-sekolah Kerajaan yang lain. Sehingga November 2010, sekolah tersebut mempunyai seramai 44 orang guru dan 893 orang murid. Selain daripada itu, sekolah tersebut juga mempunyai kelas prasekolah dengan enrolmen seramai 50 orang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) sekolah ini dianggotai oleh 12 orang ahli dan telah memainkan peranan dalam pelbagai aktiviti dan pembangunan sekolah. Penglibatan LPS dan juga pihak sekolah telah melonjakkan kedudukan sekolah tersebut khususnya di negeri

JAWAPAN:

Buang Kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008, seramai **154 orang guru** telah dikenakan tindakan tatatertib. Manakala pada tahun 2009 dan 2010 (sehingga Jun) masing-masing seramai **149 orang** dan **86 orang**. Jenis atau bentuk kesalahan yang dilakukan oleh guru-guru terbabit meliputi pelbagai perkara seperti tidak hadir bertugas, tatakelakuan am, jenayah, rasuah, gangguan seksual dan sebagainya.

Rjm 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISA
N YB. Puan Hajah Nancy
Binti Haji**

Shukri

TARIKH

09.11.2010 (SELASA)

NO.SOALAN

37

SOALAN:

**YB. Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan apakah implikasi akibat dari kenaikan harga
gula ke atas pengimportan gula negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa sekarang, aktiviti pengilangan gula negara secara keseluruhannya masih bergantung kepada sumber gula mentah yang diimport. Harga gula mentah di pasaran dunia sentiasa berubah-ubah mengikut keadaan pasaran dan permintaan/bekalan komoditi tersebut. Oleh yang demikian, secara amnya, sebarang kenaikan harga gula mentah di pasaran dunia akan menyebabkan kenaikan harga gula di pasaran tempatan. Di samping itu, harga gula mentah yang tinggi juga boleh menyebabkan pengilang gula mengimport dalam kuantiti yang rendah dan seterusnya akan menjejaskan bekalan gula tempatan.

Bagi memastikan bekalan gula domestik yang stabil, Kerajaan telah mewujudkan Kontrak Jangka Panjang (LTC) antara pengilang gula tempatan dengan pembekal-

pembekal

gula mentah di luar negara. Kadar bekalan gula mentah yang telah ditetapkan kepada setiap pengilang gula di bawah LTC adalah sebanyak 70% daripada keseluruhan bekalan. Manakala baki 30% lagi diperolehi pengilang sendiri melalui pasaran bebas. Melalui kaedah ini, pengilang-pengilang gula tempatan akan dijamin bekalan gula secara berterusan dan pada harga yang tetap untuk satu tempoh yang dipersetujui oleh pembekal gula mentah.

Bagi menjamin harga gula bertapis adalah pada kadar yang mampu dibayar oleh rakyat pula, Kerajaan telah menanggung sejumlah subsidi yang diberikan kepada pengilang-pengilang tempatan untuk menampung kos pengeluaran mereka yang tinggi berdasarkan kepada harga gula semasa di pasaran terbuka antarabangsa. Sebagai

contoh, harga gula bertapis di pasaran terbuka antarabangsa pada masa ini adalah RM2.40/kg. Bagi membolehkan harga di pasaran tempatan ditetapkan pada kadar RM1.90/kg,

Kerajaan perlu membayar subsidi RM0.50 bagi setiap kilogram gula yang dijual oleh pengilang-pengilang tempatan.

Dengan adanya kedua-dua langkah ini iaitu LTC dan subsidi, sebarang kenaikan harga gula di pasaran antarabangsa tidak akan menjejaskan pengimportan gula mentah oleh pengilang tempatan dan secara langsung tidak menjejaskan bekalan dan harga gula di pasaran tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **DATO' RASHID BIN DIN**
[MERBOK]

T ARIKH **9 NOVEMBER 2010**

SOALAN **38**

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dalam usaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya adakah Kementerian menumpukan perhatian terhadap memperbaiki sikap pemandu supaya memandu dalam berhemah memandangkan fakta ini penyebab utama kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan sememangnya menumpukan perhatian terhadap memperbaiki sikap pemandu memandangkan faktor manusia adalah merupakan penyebab utama kemalangan jalan raya. Terdapat beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini dan agensi-agensi terlibat mengikut peringkat iaitu:

- (i) bagi pemegang lesen memandu sedia ada atau orang dewasa:
 - (a) menjalankan kempen keselamatan jalan raya melalui media seperti TV, radio, akhbar dan atas talian (*online*) dan

- (b) mengadakan advokasi secara turun padang seperti memberi nasihat, mengadakan pertukaran topi keledar bagi pengguna motosikal serta mengeluarkan saman kepada pesalah-pesalah jalan raya.
- (ii) bagi bakal pemandu atau golongan remaja, kaedah yang digunakan adalah melalui penyampaian modul-modul keselamatan jalan raya kepada pelajar sekolah, penuntut di institusi pengajian tinggi serta peserta Program Latihan Khidmat Negara. Selain itu, pelajar-pelajar di institut- institut memandu juga akan didedahkan dengan ceramah dan pembelajaran yang berteraskan pematuhan undang-undang dan keselamatan lalu lintas;
- (iii) bagi golongan muda atau murid sekolah rendah:
 - (a) pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan aktiviti-aktiviti Kelab Keselamatan Jalan Raya; dan
 - (b) menjalankan program-program sokongan di sekolah seperti Warden Trafik Sekolah dan pertandingan lalu lintas dengan kerjasama pintar rakan kongsi daripada pihak swasta, badan bukan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan diharap dapat memperbaiki sikap pemandu-pemandu sedia ada dan melahirkan bakal-bakal pemandu yang berkualiti serta mewujudkan budaya pemanduan selamat di jalan raya.

Ni):3f

SJ.B/(50)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 09.11.2010

Datuk Raime Bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah sumbangan Khazanah Nasional (GLC) Kerajaan dalam membantu merencanakan sektor pertanian, keusahawanan dan lain-lain kepada masyarakat terutama di luar bandar di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara sumbangan ketara syarikat-syarikat milik Khazanah Nasional Berhad yang berkecimpung dalam sektor pertanian dan asas-tani khususnya dalam merencanakan lagi sektor pertanian serta melahirkan lebih ramai lagi usahawan tani di luar bandar adalah seperti berikut:

- i. Malaysian AgriFood Corporation (MAFC)
 - a) Program Usahawan Tani
 - MAFC telah melahirkan kumpulan pertama 18 usahawan tani di bawah Program Usahawan Tani pada tahun 2009.

- Para peserta program telah melalui program latihan selama 18 bulan di Cameron Highland.
- Program ini kini telah memasuki kitaran ketiga yang mana 18 lagi peserta sedang mengikuti program latihan.
- Kesemua peserta merupakan siswazah menganggur daripada institusi pengajian tinggi tempatan, sekali gus program ini menyediakan latihan dan sumber pendapatan kepada golongan ini.

b) Petani Kontrak

- Buat masa ini, terdapat 6 petani kontrak (institusi dan individu) yang mengusahakan penanaman betik Paiola di ladang seluas 66 hektar di Lanchang, Pahang.
- MAFC kini terlibat dalam 20 kontrak penanaman dengan petani tempatan di Cameron Highlands.
- MAFC menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 60 orang daripada masyarakat Orang Asli di Lembah Bertam, Cameron Highlands.
- Di bawah memorandum persefahaman dengan Gedung Makanan Negara (GMN), MAFC telah bersetuju untuk membeli semula *rock melon* yang ditanam mengikut kaedah Pertanian Dalam Persekitaran Terkawal (CEF) oleh peneroka FELDA Sungai Tengi, Ulu Yam, Selangor. Buat masa ini, seramai 100 orang peneroka terlibat dalam program. Program ini menyediakan aliran pendapatan tambahan yang berterusan kepada peserta / peneroka.

ii. Biotropics Malaysia Berhad (Biotropics)

- a) Program Komuniti Masyarakat Jakun di Kampung Gulum, Tasik Chini

- Biotropics bekerjasama rapat dengan masyarakat Jakun untuk membangunkan rantaian perbekalan yang lestari bagi produk herbal.
- Antara projek yang terlibat termasuk pemprosesan Tongkat AN serta pemeliharaan herba-herba terpilih seperti sago bemban dan petai langit.

iii. Blue Archipelago Berhad (BAB)

a) Peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di Kerpan, Kedah

Buat masa ini, BAB mempunyai 407 pekerja bagi operasinya di Kerpan, Kedah, yang mana 95% daripadanya terdiri daripada masyarakat tempatan. Jumlah pekerja dijangka akan meningkat kepada kira-kira 524 orang menjelang tahun 2011 apabila kilang pemprosesan dijangka beroperasi pada kapasiti sepenuhnya.

b) Peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di Setiu, Terengganu

BAB kini dalam Fasa 1 pembinaan Taman Akuakultur Udang Bersepadu di tanah seluas 432 hektar di Setiu, Terengganu (i-Sharp). Tapak tersebut akan mempunyai kolam-kolam penternakan, penetasan dan loji pemprosesan. Apabila siap pada pertengahan tahun 2011 kelak, i-Sharp dijangka menyediakan 340 peluang pekerjaan kepada orang ramai termasuk masyarakat tempatan.

Buat masa ini, BAB menggajikan 39 orang pekerja tempatan untuk menyelia kerja-kerja pembinaan.

- c) Program-program Pengurusan dan Persijilan
Dalam usaha untuk mempersiapkan usahawan tani dengan kemahiran yang penting, BAB menjalankan program-program berikut:
- i) Sijil dalam Akuakultur Udang (CISA - *Certificate in Shrimp Aquaculture*)
- Kesemua pekerja (pengendali kolam, kejuruteraan, gudang dan sebagainya) di Kerpan dan Setiu akan melalui Program CISA. CISA dijalankan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia dengan sokongan Kementerian Sumber Manusia melalui agensi-agensinya, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Perbadanan Sumber Manusia Bhd (PSMB).
 - Persijilan dan pengiktirafan dikeluarkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan diiktiraf sebagai satu-satunya Piawaian Kemahiran Pekerjaan Nasional (NOSS) dalam akuakultur udang
di negara ini. Buat masa ini, kira-kira 100 peserta sedang mengikuti program CISA.
- ii) Program Pengurusan Kepimpinan Akuakultur (AMLP - *Aquaculture Management Leadership Program*)
- AMLP merupakan program bagi siswazah yang baru menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Sepanjang latihan selama 12 bulan (4 semester), mereka akan didedahkan pada industri akuakultur serta pelbagai bidang lain termasuk pengurusan kewangan dan

keusahawanan. Buat masa ini, kira-kira 14 peserta sedang mengikuti program AMLP.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

[SEPANGGAR]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2010

SOALAN

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN minta PERDANA MENTERI

menyatakan bilangan kakitangan Kerajaan di setiap jabatan/jawatan yang didakwa dan didenda dalam akta penyelewengan serta rasuah. Bagaimana dengan cadangan Kerajaan untuk pengisytiharan pendapatan di mana ada individu yang mempunyai harta benda melebihi daripada kadar pendapatan sendiri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2010 (sehingga 31 Oktober) seramai 66 orang kakitangan awam telah didakwa di Mahkamah yang terdiri seorang dari

kumpulan Pengurusan Tertinggi, 11 orang dari kumpulan Pengurusan Profesional dan 54 orang dari kumpulan Sokongan. Manakala bagi kes-kes perbicaraan awal yang telah diputuskan di mahkamah sepanjang tahun 2010, seramai 32 orang pegawai awam telah didapati salah oleh mahkamah yang terdiri 3 orang dari kumpulan Pengurusan Profesional dan 29 orang dari kumpulan Sokongan.

Dalam perkhidmatan awam, peraturan yang menghendaki setiap penjawat awam mengisytiharkan pendapatan dan harta yang dimiliki telah dinyatakan di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi membolehkan Ketua Jabatan memantau taraf kehidupan pegawai sama ada seimbang atau tidak dengan emolumen atau pendapatan rasminya yang sah serta boleh mengarahkan pegawainya dari semasa ke semasa mengisytiharkan harta masing-masing.

Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mendapatkan maklumat ke atas pemilikan

harta-harta yang berlebihan dan tidak bersesuaian dengan emolumen seorang pegawai Badan Awam.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)
TARIKH 09.11.2010
SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) kekurangan guru Bahasa Cina (tidak termasuk guru GSTT) di Sekolah Menengah Kebangsaan ; dan
- (b) langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Sehingga 31 Januari 2010, jumlah guru Bahasa Cina mengikut keperluan perjawatan dan subjek di seluruh negara di Sekolah Menengah adalah seramai 2,204 orang. Daripada jumlah tersebut, masih terdapat beberapa

negeri yang tidak mencukupi guru khususnya dalam bahasa Cina seperti di Pahang dan Sarawak.

- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Unjuran keperluan guru dibuat dengan mengambil kira keperluan pelbagai

jenis aliran sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Diploma Pendidikan, dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Statistik serta lain-lain agensi berkaitan dalam menentukan keperluan pembinaan sekolah baru. Selain daripada itu, KPM juga turut membuat analisis trend serta unjuran pertambahan murid bagi sesuatu kawasan.

Inisiatif terbaru yang akan dilakukan oleh KPM dalam usaha mendapatkan bilangan guru Bahasa Cina, seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa pembentangan RMKe-10 di Parlimen ialah membuka ruang dan peluang kepada lulusan SPM dan memiliki UEC boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di I PGM.

SOALAN NO. 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN .RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO'SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH 9 NOVEMBER 2010**

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN**

menyatakan:-

- a) Insiden penyakit Demam Denggi dan jumlah kematian mengikut negeri sehingga Ogos 2010; dan
- b) Sama ada Kementerian serius untuk menggunakan kaedah nyamuk yang diubah genetiknya bagi menyaingi nyamuk Aedes biasa.

Tuan Yang Dipertua,

Dari pemantauan kes Demam Denggi oleh Kementerian Kesihatan, jumlah kes yang dilaporkan oleh semua negeri pada tahun 2010, sehingga 30 Oktober, adalah sebanyak 40,959 kes, peningkatan kes sebanyak 19% (6,602 kes) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 (34,357 kes). Negeri Selangor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi adalah merupakan penyumbang bilangan kes demam denggi tertinggi seluruh negara iaitu 36% (14,784 kes), diikuti oleh negeri Sarawak 10% (3,871 kes), Johor 9% (3,826 kes), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 9% (3,770 kes) dan Kelantan 8% (3,312 kes).

Manakala kes kematian yang dilaporkan pada tahun ini menunjukkan peningkatan yang ketara di mana sehingga 30 Oktober 2010, terdapat 119 kes kematian yang dilaporkan, meningkat sebanyak 61% (45 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2009 (74 kes).

Langkah Kerajaan untuk melaksanakan penggunaan Nyamuk Modifikasi Genetik merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk menangani masalah Demam Denggi yang semakin meningkat sekarang ini. Projek penggunaan Nyamuk Modifikasi Genetik ini merupakan pembebasan nyamuk jantan yang telah melalui modifikasi genetik ke persekitaran. Nyamuk jantan ini tidak mengigit manusia dan tidak membawa virus Denggi. Apabila nyamuk jantan ini mengawan dengan nyamuk betina, jentik-jentik yang dihasilkan tidak berupaya untuk berkembang menjadi nyamuk dewasa. Walaubagaimanapun, projek penggunaan Nyamuk Modifikasi Genetik ini masih di peringkat awal kajian dan percubaan. Kerajaan sentiasa memastikan segala aspek keselamatan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berwajib dipatuhi serta mendapatkan pandangan dari pakar-pakar termasuk pakar dari luar negara. Kementerian akan hanya menggunakan kaedah ini jika terbukti berkesan dan selamat digunakan secara saintifik, selaras dengan prinsip "*evidence-based medicine and public health*".

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

TARIKH

(TENGGARA)

NO. SOALAN

09.11.2010 (SELASA)

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD ⁴³SADIQUE [TENGGARA] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan jumlah koperasi sekolah yang berdaftar di seluruh negara dan bilangan ahlinya serta sejauh manakah koperasi ini berjaya menyemai budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, terdapat sebanyak 2,115 (94%) sekolah dari jumlah keseluruhan 2,248 sekolah telah mendaftarkan koperasi sekolah dengan bilangan keanggotaan seramai 2.17 juta murid.

Penubuhan koperasi sekolah di sekolah-sekolah menengah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai gerakan koperasi dan dunia perniagaan yang berkaitan dengan bidang keusahawanan. Budaya keusahawanan koperasi sekolah telah diterapkan dikalangan pelajar dan ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti perniagaan yang dilaksanakan oleh koperasi tersebut seperti:

- (i) pengurusan kantin;
- (ii) kedai buku dan peralatan sekolah;
- (iii) kedai dobi (sekolah berasrama penuh);
- (iv) *homestay* dan tempat penginapan, dan

(v) pertanian seperti tanaman sayur.

Selain itu, SKM telah mengadakan "Program Khas Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah" dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Program ini bertujuan melatih pelajar-pelajar melaksanakan sesuatu projek sebagai usaha untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan mereka. Projek dilaksanakan dengan bimbingan guru-guru sekolah.

Dalam masa sama, program ini bermatlamat untuk melatih pelajar-pelajar mengurus sesuatu projek termasuk penyediaan kertas kerja dan penyimpanan rekod khususnya rekod perakaunan.

Program "Koperasi Angkat" turut dilaksanakan di mana koperasi dewasa mengambil koperasi sekolah sebagai koperasi angkat bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai aktiviti koperasi dewasa di samping memberi bimbingan dan motivasi dalam bidang keusahawanan kepada mereka.

Semua usaha ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah dalam bidang keusahawanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA :

YB PUAN HAJAH ZU RAIDA BINTI

KAMARUDDIN (PKR) (AMPANG)

TARIKH

9 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (PKR) (Ampang) minta **MENTERI**

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan

berapa peratus penduduk di Parlimen Ampang yang berada di bawah garis

kemiskinan dan berapa peratus penduduk di Parlimen Ampang yang merupakan

ibu tunggal. **JAWAPAN** Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, definisi miskin tegar di bawah Bidang

Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk golongan berpendapatan rendah

adalah mereka yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM440 dan ke

bawah, manakala kategori miskin pula adalah berpendapatan RM750 seisi rumah sebulan dan ke bawah, seterusnya, berpendapatan RM1,500 seisi rumah sebulan bagi kategori mudah miskin.

Berdasarkan sistem eKasih (senarai asal sehingga 30 September 2010), Kawasan Parlimen Ampang telah mencatatkan sifar miskin tegar, manakala bagi kategori miskin seramai 5 isi rumah. Bagi kategori mudah miskin adalah seramai 41 isi rumah. Juga dimaklumkan bahawa 24 ketua isi rumah daripada jumlah 46 isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan di Parlimen Ampang adalah daripada golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) Ibu Tungaa Ibu Tunggal Di Semenanjung Malaysia Tahun 2002/2003

Berdasarkan Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) Ibu Tunggal Di Semenanjung Malaysia Tahun 2002/2003 Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah KIR Ibu Tunggal di Parlimen Ampang adalah seramai 166 orang. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan dapat memperolehi data terbaru sebaik sahaja Jabatan Perangkaan mengeluarkannya berikutan Band Penduduk dan Perumahan Negara 2010.